

## Audit 2011 dibentang selepas Bajet 2013

KUALA LUMPUR - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz menjelaskan bahawa laporan Ketua Audit Negara bagi 2011 akan dibentang seminggu selepas pembentangan bajet Jumaat ini.

Menurutnya, ini bertujuan bagi memberi peluang kepada Ahli Parlimen membahaskan Bajet 2013.

"Ini memberi ruang kepada mereka untuk memfokuskan dan membahas lebih terperinci bajet yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 28 September ini."

"Maka tidak akan berlaku campur aduk di antara bajet dengan laporan audit kerana memberikan kesukaran untuk membahaskan dua benda dalam satu-satu masa," katanya kepada media di lobi Parlimen, semalam.

Ditanya sama ada akan memberikan gambaran negatif oleh pembangkang berhubung kelewatian itu, Mohamed Nazri berkata, perkara yang sama juga berlaku pada tahun lalu.

"Perkara sama berlaku, di mana laporan audit bagi 2010 hanya diberi kepada wakil rakyat selepas pembentangan Bajet 2012," katanya.

# PR persoal laporan audit dilewatkan

ARHIZA AHMAD

KUALA LUMPUR - Pakatan Rakyat (PR) menyifatkan tindakan kerajaan melewati pembentangan Laporan Ketua Audit 2011 sebagai mustahil tersembunyi.

Timbalan Presiden PKR, Azmin Ali berkata, tindakan itu seperti sengaja dilakukan bagi menghalang pembahasan Bajet 2013 berdasarkan rekod perbelanjaan 2011.

"Perkara sebegini tidak harus berlaku. Ia perlu dibentangkan serentak Bajet 2013 bagi mudahkan Ahli Parlimen



AZMIN

membahaskan bajet berdasarkan rekod sedia ada.

"Ia seperti mempunyai maksud tersembunyi bagi cuba menghalang sesuatu perkara. Perlu diingatkan laporan

audit adalah laporan penilaian prestasi kerajaan dalam urus tadbir negara," katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz yang menjelaskan laporan audit itu akan dibentang selepas Bajet 2013.

Sementara itu, Setiausaha Agung PKR, Datuk Saifuddin Nasution berkata, tindakan ini menunjukkan seolah-olah kerajaan cuba menyembunyikan salah laku urus tadbir kewangan negara.

"Laporan itu seharusnya

serentak. Saya yakin kerajaan cuba sembunyi kelemahan. Kerajaan tahu laporan ini penting, jadi mereka cuba melewatkannya," katanya.

Naib Presiden Pas, Datuk Mahfuz Omar pula menjelaskan bahawa beliau amat kesal dengan tindakan yang dilakukan oleh kerajaan itu.

"Ini kali kedua perkara itu berlaku. Pada tahun lalu, cara yang sama digunakan oleh kerajaan. Sekiranya ada laporan itu perbahasan akan menjadi lebih baik kerana ia dilakukan dengan asas yang kukuh," katanya.